

## TAHUKAH ANDA???

### Tanda kecil kiamat: TIADA IMAM UNTUK SOLAT BERJEMAAH

Daripada Salamah binti al-Hurr RA Beliau berkata, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Akan datang suatu zaman, pada waktu itu orang banyak berdiri tegak beberapa lama, kerana mereka tidak mendapatkan orang yang dapat mengimami mereka solat."

(Riwayat Ibnu Majah)

## DOA BERLINDUNG DARI PADA FITNAH AD-DAJJAL

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ، وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْمَأْتَمِ وَالْمَغْرَمِ.

Maksudnya: **Ya Allah! Sesungguhnya aku berlindung kepadaMu dari seksa kubur. Aku berlindung kepadaMu dari fitnah al-Masih Dajjal. Aku berlindung kepadaMu dari fitnah kehidupan dan sesudah mati. Ya Allah, Sesungguhnya aku berlindung kepadaMu dari perbuatan dosa dan kerugian.**

## Nota Kecil

### - DOA SETELAH AZAN -

Agar Mendapat Syafaat Nabi Muhammad Pada Hari Kiamat  
Daripada Jabir bin 'Abdullah, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Barangsiapa berdoa setelah mendengar azan:

اللَّهُمَّ رَبِّ هَذِهِ الدَّعْوَةُ التَّامَّةُ، وَالصَّلَاةُ الْقَائِمَةُ، آتِ مُحَمَّدَانَ الْوَسِيلَةَ وَالْفَضِيلَةَ وَالشَّرَفَ وَالذَّرَجَةَ الْعَالِيَةَ الرَّفِيعَةَ وَابْعَثْهُ مَقَامًا مُحَمَّدَانَ الَّذِي وَعَدْتَهُ.

Ertinya: "Ya Allah Tuhan yang memiliki seruan yang sempurna dan solat yang akan didirikan, kurniakanlah kepada Nabi Muhammad SAW wasilah (tempat yang luhur) dan kelebihan serta kemuliaan dan darjat yang tinggi dan tempatkanlah Dia pada kedudukan yang terpuji yang telah Engkau janjikan. Maka ia berhak mendapatkan syafa'atku pada hari kiamat."

[Riwayat al-Bukahri]

**Jom sama-sama kita amalkan doa ini dengan penuh penghayatan dan pengharapan. Semoga kita semua layak mendapat syafaat daripada penghulu kita Nabi Muhammad SAW di akhirat kelak.**

**SELAMAT BERAMAL!!**



رسالة مسجود  
Risalah Masjid

Siri  
6/2016

JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU (JHEAT)

EDARAN PERCUMA

## PERISTIWA WANITA KE NERAKA PADA MALAM MIKRAJ

Sayidina Ali RA berkata: "Saya dan Fatimah pergi menghadap Rasulullah SAW. Kami dapati beliau sedang menangis, lalu kami bertanya kepadanya, apakah yang menyebabkan ayahanda menangis, ya Rasulullah?". Baginda SAW menjawab: "Pada malam aku diisrak hingga ke langit, di sana aku melihat perempuan dalam keadaan amat dahsyat. Dengan sebab itu aku menangis mengenangkan azab yang diterima mereka." Ali bertanya lagi: "Apakah yang ayahanda lihat di sana?". Rasulullah SAW menjawab:

- "Aku lihat ada perempuan yang **digantung rambutnya**, otak kepalanya menggelegak."
- "Aku lihat perempuan yang **digantung lidahnya**, tangannya diikat ke belakang dan timah cair dicurah ke dalam halkumnya (tekak)."
- "Aku lihat perempuan yang digantung, **kedua-dua kakinya terikat**, tangannya diikat ke ubun-ubunnya, didatangkan ular dan kala."
- "Aku lihat perempuan yang **memakan dagingnya sendiri**, di bawahnya dinyalakan api neraka."
- "Aku lihat perempuan **mukanya hitam** dan memakan tali perutnya sendiri."
- "Aku lihat perempuan yang **telinga pekak dan matanya buta**, diisikan ke dalam peti yang diperbuat daripada api neraka, otaknya keluar daripada lubang hidung, badan bau busuk kerana penyakit kusta dan sopak."
- "Aku lihat perempuan yang **kepalanya seperti babi**, badannya seperti himar dengan pelbagai kesengsaraan dihadapinya."
- "Aku lihat perempuan yang **rupanya seperti anjing**, kala dan ular masuk ke dalam kemaluannya, mulut dan pelepasnya (punggung). Malaikat memukulnya dengan corong api neraka."

Fatimah RA pun bertanya kepada ayahandanya: "Ayahanda yang dikasihi, beritakanlah kepada anakanda, apakah kesalahan yang dilakukan oleh perempuan itu?" Rasulullah SAW menjawab:

- "Fatimah, adapun perempuan tergantung rambutnya itu adalah perempuan yang **tidak menutup rambut daripada bukan muhrimnya.**"
- "Perempuan tergantung lidahnya ialah perempuan yang menggunakan lidahnya untuk **memaki dan menyakiti hati suaminya.**"
- "Perempuan yang digantung susunya adalah perempuan yang **menyusukan anak orang lain tanpa izin suaminya.**"
- "Perempuan kedua-dua kakinya tergantung itu ialah perempuan yang **keluar dari rumahnya tanpa izin suaminya.**"
- "Perempuan **tidak mahu mandi daripada suci haid dan nifas** ialah perempuan yang memakan badannya sendiri, juga kerana ia **berhias untuk lelaki bukan suaminya dan suka mengumpat orang.**"
- "Perempuan yang memotong badannya sendiri dengan gunting api neraka kerana ia memperkenalkan dirinya kepada orang asing, **bersolek dan berhias supaya kecantikannya dilihat lelaki lain.**"
- "Perempuan diikat kedua kakinya dan tangannya ke atas ubun-ubunnya, disuakan ular dan kala kepadanya kerana ia **boleh sembahyang tetapi tidak mengerjakannya dan tidak mandi janabah.**"
- "Perempuan kepalanya seperti babi dan badannya seperti himar ialah ahli **pengumpat dan pendusta.**"
- "Perempuan rupanya seperti anjing ialah perempuan yang **suka membuat fitnah dan membenci suaminya.**"

Seterusnya Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Perempuan yang menyakiti hati suami dengan lidahnya pada hari kiamat nanti Allah jadikan lidahnya sepanjang 70 hasta kemudian diikat di belakang tengkoknya." Abu Bakar as-Siddik mengatakan, aku dengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Perempuan menggunakan lidah untuk menyakiti hati suaminya ia akan dilaknat dan kemurkaan Allah."

Usamah bin Zaid menceritakan, bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Aku berdiri di atas syurga, kebanyakan yang masuk

ke dalamnya adalah golongan miskin dan orang kaya tertahan di luar pintu syurga kerana dihisab. Selain daripada itu, ahli neraka diperintahkan masuk ke dalam neraka, dan aku berdiri di atas pintu neraka, aku lihat kebanyakan yang masuk ke dalam neraka adalah perempuan."

Rasulullah SAW bersabda lagi yang bermaksud: "Aku lihat api neraka, tidak pernah aku melihatnya seperti hari ini, kerana ada pemandangan yang dahsyat di dalamnya aku saksikan kebanyakan ahli neraka adalah perempuan." Rasulullah SAW ditanya, mengapa ya Rasulullah? Baginda SAW menjawab: "Perempuan mengkufurkan suaminya dan mengkufurkan ihsannya, Jika engkau membuat baik kepadanya seberapa banyak pun dia belum berpuas hati dan merasa cukup." (Riwayat al-Bukhari)

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Aku melihat ke dalam Syurga maka aku melihat kebanyakan penghuninya adalah fuqara' (orang-orang fakir) dan aku melihat ke dalam Neraka maka aku menyaksikan kebanyakan penghuninya adalah wanita." [Riwayat al-Bukhari dan Muslim]

Di dalam kisah solat gerhana matahari, Rasulullah SAW dan para sahabatnya melakukan solat gerhana padanya dengan solat yang panjang, Rasulullah SAW melihat Syurga dan Neraka. Ketika baginda melihat Neraka baginda bersabda kepada para sahabatnya: "... dan aku melihat Neraka maka tidak pernah aku melihat pemandangan seperti ini sama sekali, aku melihat kebanyakan penghuninya adalah kaum wanita. Para sahabat pun bertanya: "Mengapa (demikian) wahai Rasulullah?" Baginda SAW menjawab: "Kerana kekufuran mereka." Kemudian ditanya lagi: "Apakah mereka kufur kepada Allah?" Baginda menjawab: "Mereka kufur terhadap suami-suami mereka, kufur terhadap kebaikan-kebaikannya. Kalaulah engkau berbuat baik kepada salah seorang di antara mereka selama waktu yang panjang kemudian dia melihat sesuatu pada dirimu (yang tidak dia sukai) nescaya dia akan berkata: 'Aku tidak pernah melihat sedikitpun kebaikan pada dirimu.'" [Riwayat al-Bukhari]

Dalam hadis yang lain, Rasulullah SAW menjelaskan tentang wanita penghuni Neraka, baginda bersabda: "... dan wanita-wanita yang berpakaian tetapi hakikatnya mereka telanjang, melenggak-lenggokkan kepala mereka kerana sombong dan berpaling dari ketaatan kepada Allah dan suaminya, kepala mereka seakan-akan seperti bunggul unta. Mereka tidak masuk Syurga dan tidak mendapatkan wanginya Syurga padahal wanginya boleh didapati dari jarak perjalanan sekian dan sekian." [Riwayat Muslim & Ahmad]

# LELAKI YANG DITARIK KE NERAKA OLEH WANITA

## AYAH

Apabila Seorang **ayah** tidak bertanggungjawab dalam mendidik anak-anaknya supaya menjadi muslim yang sebenar dengan memberi pendidikan agama secukupnya seperti solat, mengaji, berpuasa, dan sebagainya, maka tunggulah tarikan anakmu itu ke neraka.

Duhai **ayah**, bagaimana keadaan anak perempuanmu sekarang? Bagaimanakah solat mereka? Adakah engkau mengajarkan mereka tentang agama, dan mewajibkan mereka menutup aurat? Jika kamu tidak mempedulikan hal itu maka bersiap sedialah untuk ditarik ke neraka oleh anakmu.

## SUAMI

Apabila seorang **suami** tidak mempedulikan tindak-tanduk isterinya, bergaul bebas, memperhiaskan diri selain untuk dirinya, meskipun suaminya seorang alim ulama, seorang ustaz, seorang yang berpangkat, malah berketurunan mulia, akan tetapi oleh kerana beliau tidak mempedulikan hal itu maka bersiap-sedialah untuk ditarik ke neraka diakhirat kelak.

Duhai yang bergelar **suami**, sudahkah engkau melihat dan memperhatikan bagaimana isterimu? Adakah ia menjaga akhlak menurut syariat yang telah ditetapkan? Adakah dia telah menutup aurat dengan sempurna apabila keluar rumah? Adakah dia menjaga ibadahnya kepada Allah? Jika kau tidak mempedulikannya, maka bersiap-siaplah untuk sehidup semati ditaman neraka sana.

## SAUDARA LELAKI

Selain itu, tanggungjawab menjaga wanita juga jatuh kepada **saudara lelaki**. **Saudara lelaki** yang membiarkan sahaja saudara perempuannya tidak mengikut syariat yang telah ditetapkan, maka tunggulah tarikan mereka ke neraka di akhirat kelak.

Duhai **lelaki** yang mempunyai saudara perempuan, didiklah dan jagalah mereka sesuai dengan ajaran Islam, jangan sampai kamu membiarkannya bergelumbang dengan dosa dan maksiat. Jika kamu tidak mempedulikan mereka, maka bersiap-siaplah untuk ditarik oleh mereka ke neraka jahanam.

## ANAK LELAKI

Apabila seorang ibu membuat kemungkaran seperti mengumpat, memfitnah, tidak taat kepada suami, tidak menutup aurat, tidak menunaikan solat, dan sebagainya dan **anak lelaki** mereka tidak menasihati ibunya perihal kelakuan yang tidak dibenarkan itu, maka anak itu akan ditanya dan diminta dipertanggungjawabkan di dan disuruh menemani ibunya ke Neraka di akhirat kelak.

Duhai **anak lelaki**, sayangilah ibumu, nasihatilah dia jika bersalah atau lalai. Kerana ibumu juga insan biasa, tidak lepas daripada melakukan dosa. Selamatkanlah dia dari ancaman neraka, jika tidak, kau juga akan ditarik menjadi teman di dalamnya.

Untuk itu, sebaiknya kita menjaga diri kita dan juga keluarga kita daripada menjadi bahan bakar api neraka. Sesuai dengan firman Allah SWT yang bermaksud: "Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu, penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, keras, dan tidak menderhakai Allah terhadap apa yang diperintahkanNya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan." [At-Tahrim : 6]

**Semoga kita tidak termasuk dalam golongan orang-orang yang rugi di akhirat kelak. Aamiin.**